

Sinar Harian 3/2/2018 M/S 20

## Anak penyu terperangkap dilepas semula ke laut

**MARANG** - Seekor anak penyu dipercayai jenis agar berjaya diselamatkan nelayan di perairan Marang selepas terperangkap dalam pukut tunda hanyut.

Pukat tunda rosak yang sengaja dibuang di perairan itu dibawa arus hampir ke pesisir pantai berhampiran Kampung Merchang.

Nelayan yang juga merupakan Ketua Sukarelawan Perikanan (Super) Merchang, Mohd Nasir Salleh berkata, anak penyu dengan anggaran berat kira-kira 10 kilogram itu ditemui dalam keadaan letih.

Bagaimanapun katanya, anak penyu itu telah dilepas semula ke laut dan keadaan itu biasa berlaku membabitkan pukat tunda rosak.

"Sebelum ini (nelayan) pernah

jumpa anak-anak penyu lekat (terperangkap) di jaring pukat tunda (yang rosak). Biasa kita lepaskan semula ke laut dan yang mati kita buang.

"Biasanya (penyu) banyak sangkut pada pukat tunda (rosak), pukat lain susah nak sangkut. Pukat tunda rosak biasa akan dibuang ke laut begitu saja," katanya, semalam.

Menurutnya, sukarelawan Super terdiri daripada nelayan sebagai mata dan telinga pihak berkuasa terutama dalam menangani kes pencerobohan bot nelayan asing.

"Bagaimanapun, tugas ahli Super tidak terhad di situ saja. Kami turut terlibat dengan tugas-tugas lain dalam menjaga kepentingan habitat haiwan laut termasuk penyu," katanya.



Anak penyu kira-kira 10 kilogram ini berjaya diselamatkan dan dilepas semula ke laut.